

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 19

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan pengurusan yang tidak terkawal di kolam-kolam takungan banjir di mana sampah telah membanjiri kawasan ini. Seperti di Kolam Nanyang, oleh kerana sampah telah memenuhi kolam tersebut bau yang tidak menyenangkan telah wujud dan secara tidak langsung ianya menjejaskan kesihatan penduduk setempat. Adakah Kementerian melalui JPS mempunyai sebarang perancangan tindakan supaya tahap kesihatan warga setempat dapat terkawal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan beberapa program bagi Kolam Nanyang. Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 dan 2019 adalah:

- i) Membersih sampah sarap yang terdapat di dalam kolam berkenaan
- ii) Membina perangkap sampah jenis *Log Boom* di bahagian hilir kolam.

JPS merancang untuk menaiktaraf perangkap sampah di bahagian hulu Kolam Nanyang untuk mempertingkatkan keupayaan kolam bagi menakung atau mengumpul sampah dari sebelah hulu Sungai Jinjang.

Di samping itu, kawalan di punca (*control at source*) perlu dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - **DBKL** bagi mengurangkan sampah yang dibuang dan mengalir masuk ke Sungai Jinjang seterusnya ke Kolam Nanyang. Ini kerana, sekiranya masalah ini tidak ditangani lebih awal, besar kemungkinan sumber air kita akan sentiasa tercemar dan secara tidak langsung akan menjadi punca tersebar nya wabak penyakit.

Walaupun bagaimanapun, kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan bagi sama-sama menjaga kebersihan kolam takungan ini. Warga setempat perlu diberi pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan menjaga sumber air di kawasan masing-masing agar tahap kesihatan mereka dapat ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.